

JANGAN CAMPUR ADUK AGAMA, POLITIK

Oleh Mokhtar Alias, Nasir Hassan dan Kamarudin Mat Akib

PASIR MAS: Umno sedia bekerjasama dengan Pas dalam soal agama tetapi tidak boleh bertolak ansur apabila soal agama dikaitkan dengan kepentingan politik, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, jika agama dicampuradukkan dengan politik, ia boleh menimbulkan pelbagai tafsiran yang akhirnya merugikan umat Islam negara ini.

"Ini yang berlaku kepada Pas. Dia buat undang-undang yang bertentangan dengan ajaran Islam tetapi tetap mendakwa kononnya itu hukum hudud," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Kelantan, di sini, semalam.

Presiden Umno berkata,

jika Pas benar-benar ingin mengadakan kerjasama dalam bidang agama dengan Umno, parti itu hendaklah bersikap terbuka dengan mengemukakan kepentingan politik demi kebaikan umat Islam.

"Bagaimanapun, Pas nampaknya lebih menumpukan perhatian untuk mendapatkan sokongan bagi parti itu, bukan agama, apabila mengemukakan sesuatu usaha berkaitan agama.

"Agama sudah pasti akan menjadi korban jika dicampuradukkan dengan politik. Inilah yang berlaku sekarang.

"Sebab itu kita tidak suka campuradukkan agama dengan politik kepartian," katanya.

Menurut Dr Mahathir, penubuhan sesebuah parti politik ialah untuk

perkara berkaitan ideologi dan pentadbiran tetapi apabila timbul masalah agama, ia perlu dibincangkan tanpa membabitkan politik.

Ditanya mengenai pengakuan pemimpin Pas bahawa mereka sanggup menerima hukum hudud yang dicadangkan Umno jika ia lebih baik daripada undang-undang digubal Pas, Perdana Menteri berkata:

"Hudud Umno ada dalam al-Quran, kita tidak payah buat apa-apa draf mengenainya.

"Kita ikut saja apa yang disebut dalam al-Quran kerana yang paling utama ialah keadilan."

Malah, kata Perdana Menteri, apa yang dipen-

LIHAT MUKA 2

Jangan campur agama, politik

DARI MUKA 1

tingkan oleh Umno adalah keadilan untuk semua rakyat pelbagai kaum di negara ini.

"Kita hidup dalam sebuah negara berbilang kaum, apa maknanya orang Islam dikenakan hukum. Apa jadi kalau orang Islam kena hukum, sedangkan orang bukan Islam tidak. Itu tidak adil," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, kerajaan tidak bercadang mengharamkan penggunaan perkataan Islam dalam mana-mana parti politik seperti dilakukan Pas walaupun ia boleh berbuat demikian.

Menurutnya, jika kerajaan berbuat demikian, ada pihak yang menyalah-tafsirkan langkah itu sebagai tindakan politik.

Katanya, di zaman penjajahan British, apabila Pas bercadang menggunakan Islam, British dengan mudah membenarkan perkara itu sebagai salah satu cara untuk memecahbelahkan orang Islam.